

## Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Mualaf di Negeri Selangor

### *The Level of Understanding on the Akidah within the Mualafs in the State of Selangor*

Syarul Azman Shaharuddin<sup>1</sup>, Hanis Najwa Shaharuddin<sup>2</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>3</sup> & Mustafa Kamal Amat Misra<sup>4</sup>

Terima	Wasit
21 MAC 2018	2 MEI 2018

#### **ABSTRAK**

*Pembelajaran akidah merupakan pembelajaran asas yang perlu difahami dan dikuasai oleh para mualaf. Walaupun begitu, kefahaman para mualaf terhadap pembelajaran akidah masih di tahap yang rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman modul akidah dalam kalangan mualaf di Negeri Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan pensampelan rawak bertujuan. Instrumen soal selidik digunakan dan seramai 248 orang responden menjadi sampel daripada 9 buah daerah Negeri Selangor. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman modul akidah dalam kalangan mualaf mendapat nilai min yang sederhana iaitu nilai min = 3.61 dengan sisihan piawai = 0.534. Justeru, pelbagai pihak perlu memberi perhatian dan membuat penambahbaikan supaya keberhasilan pembelajaran akidah terutamanya dari segi kefahaman mualaf dapat dicapai. Di samping itu, para mualaf juga mampu menambah keyakinan terhadap agama Islam.*

**Kata Kunci :** Akidah, Kefahaman, Mualaf, Selangor

#### **ABSTRACT**

*Learning akidah is a basic learning that needs to be understood and mastered by converts. Nevertheless, the understanding of converts towards the study of the akidah is still low. This study aims to identify the level of understanding of the module of the akidah among the converts in the State of Selangor. This study uses a quantitative design using purposeful random sampling. Questionnaires were used and 248 respondents became samples from 9 districts of Selangor. The result of the study shows that the level of understanding of the akidah module among mualaf gets an average value of min value = 3.61 with standard deviation = 0.534. Hence, various parties need to pay attention to improving the implementation so that the success of the learning of the akidah especially in the sense of converts can be achieved and the converts are able to add confidence to the religion of Islam.*

**Keywords:** Akidah, Understanding, Mualaf, Selangor

<sup>1</sup> Jabatan Dakwah Dan Usuluddin , KUIS, syarulazman@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan, KUIS, hanisnajwa@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Dakwah Dan Usuluddin, KUIS, yusufmarlon@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Jabatan Dakwah Dan Usuluddin, KUIS, mustafakamal@kuis.edu.my

## **Pendahuluan**

Menurut rekod pengislaman daripada tahun 2010 hingga tahun 2015, terdapat seramai 10 489 orang yang telah didaftarkan pengislamannya di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Ini menunjukkan betapa ramai golongan mualaf yang telah memeluk agama Islam di Negeri Selangor. Pengisytiharan Negeri Selangor Darul Ehsan sebagai sebuah negeri maju pada 27 Ogos 2015 telah mendorong pengkaji memilihnya sebagai lokasi bagi melihat aspek pengurusan mualaf dalam kajian ini. Di samping itu, MAIS dilihat sebagai sebuah Majlis Agama Islam Negeri yang berusaha keras dalam usaha menguruskan hal ehwal mualaf melalui penubuhan satu bahagian khusus bagi pengurusan mualaf iaitu Bahagian Pembangunan Insan.

Mualaf merupakan saudara baru yang dijinakkan hatinya untuk menerima Islam dan mengucap dua kalimah syahadah. Di Negeri Selangor Darul Ehsan, penggunaan gelaran mualaf kepada yang memeluk Islam diguna pakai selama lima tahun bermula daripada tarikh dan tahun seseorang mendaftarkan pengislamannya di MAIS. Berdasarkan Fatwa Negeri Selangor bertarikh 25 Oktober 2007, had tempoh panggilan mualaf adalah selama 5 tahun berdasarkan *uruf* dengan syarat mengikuti kelas-kelas agama yang diiktiraf atau dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Selain itu, MAIS juga bertanggungjawab membiayai segala kos pembelajaran bagi mualaf tersebut. Fatwa Negeri Selangor memutuskan bahawa dalam tempoh lima tahun, seseorang mualaf sudah dapat menguruskan diri sekiranya beriltizam mengikuti setiap kelas pengajian yang dianjurkan di setiap daerah, menghadiri kursus-kursus serta program pembangunan anjuran MAIS.

Terdapat tiga kursus yang perlu dijalani oleh para mualaf. Kursus tersebut ialah kursus asas mualaf, kursus lanjutan mualaf dan kursus ana mukalaf. Kursus asas mualaf dan kursus lanjutan mualaf sudah lama dijalankan kepada mualaf dan telah disediakan modul khas bagi kedua-dua kursus ini supaya para mualaf dapat memahami dan mempelajari Islam serba sedikit setelah memeluk agama Islam. Seterusnya, kursus ana mukalaf dibuat kepada mualaf yang sudah memeluk agama Islam selama 5 tahun. Namun begitu, terdapat juga peserta yang sudah menjalani kursus asas dan kursus lanjutan menyertai kursus ana mukalaf walaupun tidak sampai 5 tahun tempoh memeluk agama Islam. Kursus-kursus yang dijalankan ini dapat membantu para mualaf memahami agama Islam, namun para mualaf juga perlu menyediakan inisiatif sendiri untuk mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam selain daripada kursus yang diadakan oleh pihak MAIS.

## **Mualaf dan Akidah**

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, Saudara Baru Cina, Saudara Baru India atau lain-lain masyarakat dirujuk dan diistilahkan sebagai mualaf oleh masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khususnya (Anuar Puteh 1999). Anuar Puteh juga menulis dalam bukunya, 'Masa Depan Saudara Baru', perkataan 'Saudara Baru' merupakan golongan yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan.

Manakala definisi lain yang lebih jelas memberi pengertian Saudara Baru sebagai orang-orang yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan

pegangan terhadap Islam atau orang-orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam (Amran Kasimin, 1985). Sebagai bandingan definisi yang dinyatakan oleh Dusuki bin Haji Ahmad, beliau menyatakan bahawa perkataan mu'alaf adalah orang yang baru memeluk agama Islam. Imannya belum teguh dan berhak menerima sebahagian tertentu daripada harta zakat (Dusuki bin Haji Ahmad, 1980). Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Nur Kareelawati Abd Karim (2005), mentakrifkan perkataan Saudara Baru merupakan kalangan manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka. Saudara Baru diertikan juga sebagai segolongan manusia yang kufur dan memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat kepada asnaf mu'alaf adalah wajib bertujuan untuk memotivasikan serta menguatkan pegangan akidah Islamiyah yang baru dianuti (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao, 2009).

Akidah pula merupakan fitrah manusia walaupun kepada mereka yang bukan beragama Islam. Menurut Syamsul Bahri Andi Galigo (2003), di dalam pendidikan Islam, pembelajaran akidah adalah merangkumi kefahaman terhadap rukun Islam dan rukun Iman. Walau bagaimanapun, akidah yang murni adalah akidah yang mengakui kewujudan dan ketuhanan Allah s.w.t. Akidah berasal daripada kata عقْد yang bererti ikatan atau simpulan dan akidah menurut istilah syarak ialah keyakinan yang bersifat khusus terhadap Allah S.W.T, para MalaikatNya, kitab-kitabNya, para RasulNya, hari akhirat serta beriman dengan ketentuan makhluk sama ada takdir baik atau pun buruk (Sayed Sabiq, 2011). Akidah juga bermaksud sebagai membenarkan sesuatu dan meyakini secara *jazam* (putus) tanpa syak atau ragu. Akidah menurut Sayed Sabiq juga mempunyai pengertian seerti dengan Iman bermaksud membenarkan. Beliau turut berpandangan bahawa menanam akidah dalam jiwa merupakan pendekatan tarbiah yang paling unggul kerana ia menghasilkan kuasa yang kuat dalam hati dan jiwa manusia. Oleh itu, mu'alaf merupakan golongan yang baru terdedah dengan konsep-konsep asas dalam akidah. Golongan ini juga perlu diberi pendedahan dan kefahaman yang jelas menerusi pengajaran akidah yang khusus (Ahmad Yunus Kasim et al., 2017).

### **Pernyataan Masalah**

Bagi membantu mu'alaf selepas memeluk agama Islam, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menawarkan pelbagai kursus. Antara kursus yang disediakan ialah kursus-kursus pembelajaran asas dalam agama Islam iaitu pembelajaran akidah, feqah dan sebagainya. Kajian ini menumpukan kursus akidah yang dijalankan oleh MAIS. Antara kursus akidah yang dijalankan ialah kursus asas mu'alaf, kursus lanjutan mu'alaf dan kursus ana mukalaf. Ketiga-tiga kursus mu'alaf yang dijalankan oleh MAIS merupakan satu usaha yang sangat bagus bagi membantu para mu'alaf dalam memahami agama Islam. Dengan usaha ini juga, para mu'alaf tidak dibiarkan terumbang-ambing dalam mencari hala tuju hidup setelah memeluk agama Islam.

Walaupun begitu, terdapat permasalahan yang berlaku di mana para mu'alaf sukar mempelajari subjek akidah apabila menjalani kursus-kursus yang disediakan. Berdasarkan kajian Mariam et al. (2015) menyatakan bahawa para mu'alaf sukar memahami subjek akidah kerana ia berkaitan keyakinan seseorang Muslim terhadap Allah SWT dan keyakinan mempercayai perkara ghaib. Tambahan lagi, hasil kajian Mariam et al. (2015) juga menyatakan bahawa modul akidah yang diberi di dalam kursus sangat padat dan sukar menyebabkan para mu'alaf tidak dapat memahami keseluruhan

pengajaran akidah yang disampaikan di dalam kursus.

Tidak dapat dinafikan, setiap modul yang digunakan masih memerlukan penambahbaikan kerana masih terdapat kelompangan yang perlu di atasi. Justeru, satu penilaian kefahaman dalam kalangan mualaf perlu dijalankan bagi mengenal pasti keperluan dalam pemahaman akidah bagi golongan mualaf khususnya pada modul akidah mualaf di Negeri Selangor.

### Objektif Kajian

Dalam menjalankan sesuatu kajian, objektif kajian sangat penting bagi menentukan hasil yang diperoleh di akhir kajian kelak. Oleh itu, kajian ini mengenal pasti tahap kefahaman akidah dalam kalangan mualaf di Negeri Selangor iaitu kefahaman dari sudut rukun Islam dan rukun Iman.

### Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif ini dijalankan di sembilan buah daerah di Negeri Selangor. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data dan maklumat kajian. Populasi bagi kajian ini ialah sebanyak 450 orang. Teknik persampelan rawak berstrata digunakan dan melibatkan 248 orang responden iaitu mualaf yang mengikuti kursus akidah. Selepas data diperoleh, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min tahap persepsi mualaf terhadap pembelajaran akidah dan tahap kefahaman modul akidah dalam kalangan mualaf. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap seperti di dalam Jadual 1:

**Jadual 1 Interpretasi Skor Min Terhadap Tahap Kefahaman Modul Akidah dalam Kalangan Mualaf di Negeri Selangor**

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

### Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menentukan tahap kefahaman akidah terhadap mualaf. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 21.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, min dan sisihan piawai.

### Profil Demografi Kajian

**Jadual 2 Profil Demografi Mualaf**

Demografi	Kekerapan	Peratusan
<b>Jantina</b>		
Lelaki	111	44.8%
Perempuan	137	55.2%
<b>Umur</b>		
20 Tahun ke bawah	17	6.9%

21-30 Tahun	80	32.3%
31-40 Tahun	49	19.8%
41 dan ke atas	102	41.1%
<b><i>Tahap Pendidikan</i></b>		
Ijazah/Diploma	46	18.5%
SPM/STPM/Sijil Kemahiran	80	32.3%
PMR	28	11.3%
Sek. Menengah	44	17.7%
Sek. Rendah	41	16.5%
Tiada Pendidikan	9	3.6%
<b><i>Tempat Pendaftaran</i></b>		
MAIS	178	71.8%
Lain-Lain	70	28.2%
<b><i>Tempoh Memeluk Agama Islam</i></b>		
Kurang 3 Bulan	14	5.6%
Kurang 6 Bulan	16	6.5%
Kurang Setahun	18	7.3%
Lebih Setahun	200	80.6%
<b><i>Bangsa</i></b>		
Cina	58	23.4%
India	112	45.2%
Orang Asli	3	1.2%
Etnik Sabah	30	12.2%
Etnik Sarawak	22	8.9%
Lain-Lain	23	9.3%
<b><i>Agama Asal</i></b>		
Kristian	78	31.5%
Hindu	99	39.9%
Sikh	5	2.0%
Buddha	45	18.1%
Animisme	1	0.4%
Tiada Agama	11	4.4%
Lain-Lain	9	3.6%
<b><i>Taraf Perkahwinan</i></b>		
Bujang	55	22.2%
Kahwin	158	63.7%
Duda	8	3.3%
Janda	27	10.9%
<b><i>Pekerjaan</i></b>		
Kerajaan	30	12.1%
Swasta	76	30.6%
Sendiri	38	15.3%
Tidak Bekerja	104	41.9%
<b><i>Faktor Memeluk Agama Islam</i></b>		
Perkahwinan	81	32.7%
Rakan	16	6.5%
Media	5	2.0%
Kajian	15	6.0%
Keluarga	25	10.1%
Mendapat Ilham / Mimpi	13	5.2%
Sokongan bantuan Islam	2	0.8%
Minat dengan Agama Islam	80	32.3%

Masyarakat	7	2.8%
Lain-Lain	4	1.6%

Jadual 2 menunjukkan berdasarkan jantina, seramai 111 orang (44.8%) adalah muallaf lelaki dan seramai 137 orang (55.2%) adalah muallaf perempuan. Berdasarkan umur, seramai 17 orang (6.9%) berumur 20 tahun dan ke bawah, seramai 80 orang (32.3%) berumur 21 hingga 30 tahun, seramai 49 orang (19.8%) berumur 31 hingga 40 tahun dan seramai 102 orang (41.1%) berumur 41 tahun dan ke atas. Dari segi tahap pendidikan, seramai 46 orang (18.5%) berkelulusan diploma dan ijazah, seramai 80 orang (32.3%) berkelulusan SPM/STPM dan Sijil Kemahiran. Seramai 28 orang (11.3%) berkelulusan PMR, seramai 44 orang (17.7%) kelulusan sekolah menengah, seramai 41 orang (16.5%) kelulusan sekolah rendah dan 9 orang (3.6%) tiada pendidikan. Tempat pendaftaran bagi muallaf, seramai 178 orang (71.8%) berdaftar di MAIS, manakala 70 orang (28.2%) berdaftar di tempat lain.

Berdasarkan tempoh memeluk agama Islam, seramai 14 orang (5.6%) telah memeluk agama Islam kurang daripada tiga bulan, seramai 16 orang (6.5%) telah memeluk agama Islam kurang enam bulan, seramai 18 orang (7.3%) telah memeluk agama Islam kurang daripada setahun dan seramai 200 orang (80.6%) telah memeluk agama Islam lebih setahun. Seterusnya dari segi bangsa, seramai 58 orang (23.4%) berbangsa Cina, seramai 112 orang (45.2%) berbangsa India, seramai 3 orang (1.2%) berbangsa orang Asli, seramai 30 orang (12.1%) daripada etnik Sabah, seramai 22 orang (8.9%) daripada etnik Sarawak dan 23 orang (9.3%) berbangsa selain yang telah dinyatakan. Berdasarkan agama asal, seramai 78 orang (31.5%) berbangsa Kristian, seramai 99 orang (39.9%) beragama Hindu, seramai 45 orang (18.1%) beragama Buddha, seramai seorang (0.4%) beragama Animisme, seramai 5 orang (2.0%) beragama Sikh, seramai 11 orang (4.4%) tiada agama dan 9 orang (3.6%) beragama selain daripada agama yang telah dinyatakan.

Manakala, dari segi taraf perkahwinan, seramai 55 orang (22.2%) bertaraf bujang, seramai 158 orang (63.7%) berstatus kahwin, seramai 8 orang (3.2%) berstatus duda dan 27 orang (0.9%) berstatus janda. Manakala dari sudut pekerjaan, seramai 30 orang (12.1%) bekerja di sektor awam, seramai 76 orang (30.6%) bekerja di sektor swasta, seramai 38 orang (15.3%) bekerja sendiri dan seramai 104 orang (41.9%) tidak bekerja. Berdasarkan faktor muallaf memeluk agama Islam, seramai 81 orang (32.7%) memeluk agama Islam atas faktor perkahwinan, seramai 16 orang (6.5%) memeluk agama Islam atas faktor rakan, seramai 5 orang (2.0%) memeluk agama Islam atas faktor media, seramai 15 orang (6.0%) memeluk agama Islam atas faktor kajian, seramai 25 orang (10.1%) memeluk agama Islam atas faktor keluarga, seramai 13 orang (5.2%) memeluk agama Islam atas faktor mendapat ilham atau mimpi, seramai 2 orang (0.8%) memeluk agama Islam atas faktor mendapat sokongan bantuan Islam, seramai 80 orang (32.3%) memeluk agama Islam atas faktor minat dengan agama Islam, seramai 7 orang (2.8%) memeluk agama Islam atas faktor masyarakat dan seramai 4 orang (1.6%) memeluk agama Islam atas faktor selain daripada di atas.

### Analisis Deskriptif

Bagi melihat tahap kefahaman modul akidah dalam kalangan muallaf di Negeri Selangor, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min

dan sisihan piawai.

### Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Muallaf di Negeri Selangor

**Jadual 3 Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Muallaf di Negeri Selangor**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Akidah Islam bersumberkan al-Qur'an sahaja.	2.95	1.475	Sederhana
2.	Allah s.w.t. mengetahui setiap perkara yang kita lakukan.	4.56	0.875	Tinggi
3.	Dengan mempercayai kewujudan Allah s.w.t. sudah melengkapkan akidah seseorang tanpa beribadah.	3.56	1.486	Sederhana
4.	Segala perbuatan yang dilakukan oleh manusia terikat dengan dosa atau pahala.	4.34	0.853	Tinggi
5.	Akidah Islam adalah asas kepada pembinaan akhlak umat Islam.	4.32	0.896	Tinggi
6.	BerIman kepada Allah ialah mempercayai bahawa ada Tuhan selain Allah.	3.62	1.665	Sederhana
7.	Jumlah bilangan nama Allah s.w.t. yang disebut dalam al-Qur'an dan hadis ialah 89 nama.	3.91	1.363	Tinggi
8.	Antara bukti-bukti kebesaran Allah s.w.t. ialah penciptaan manusia.	4.44	1.272	Tinggi
9.	Cara untuk mengenal Allah s.w.t. adalah dengan melalui akal dan merenung ciptaan Allah s.w.t.	3.81	1.281	Tinggi
10.	Sifat Allah s.w.t. yang wajib diketahui oleh setiap Muslim adalah 99 Sifat.	2.98	1.592	Sederhana
11.	Percaya bahawa Allah s.w.t. itu dilahirkan tanda berIman seseorang itu kepada Allah s.w.t.	3.23	1.566	Sederhana
12.	Meniup sangkakala merupakan tugas malaikat Jibrail a.s.	3.50	1.538	Sederhana
13.	Antara rukun Islam ialah berIman kepada malaikat.	3.26	1.642	Sederhana
14.	Jumlah rasul yang wajib diketahui ialah 26 orang.	3.64	1.475	Sederhana
15.	Isra' dan Mikraj merupakan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w.	3.85	1.205	Tinggi
16.	Sifat pemurah adalah antara sifat –sifat yang wajib bagi Nabi Muhammad s.a.w.	2.07	1.234	Rendah
17.	Al –Quran mengandungi 30 juzuk dan 114 surah.	4.26	0.925	Tinggi
18.	BerIman kepada kitab merupakan salah satu daripada rukun Islam.	3.10	1.683	Sederhana
19.	Semasa hari Kiamat, manusia akan dikumpulkan di Padang Arafah.	3.28	1.564	Sederhana
20.	Dosa adalah perkara pertama yang akan dihisab oleh Allah s.w.t. di akhirat kelak.	2.73	1.502	Sederhana
21.	Hukum berIman dengan hari akhirat adalah wajib.	4.43	1.408	Tinggi
22.	Ketentuan yang berlaku ke atas seseorang sejak azali dinamakan sebagai Qada'.	2.08	1.040	Rendah
23.	Salah satu cara untuk merubah takdir ialah berusaha dan berdoa.	4.12	1.689	Tinggi
24.	Rukun Iman ada 5 perkara.	3.33	1.056	
25.	Nama ibu Nabi Muhammad s.a.w. ialah Aminah.	4.21	0.985	Tinggi
26.	BerIman kepada Allah s.w.t. rukun Iman yang pertama.	4.46	1.087	Tinggi

<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.61</b>	<b>0.534</b>	<b>Sederhana</b>
------------------------	-------------	--------------	------------------

Jadual 3 mendapati bahawa setiap nilai min tahap kefahaman akidah dalam kalangan mualaf bagi setiap item berada pada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 2 (Allah s.w.t. mengetahui setiap perkara yang kita lakukan) iaitu dengan nilai min = 4.56 dengan sisihan piawai 0.875. Seterusnya diikuti dengan item 26 (BerIman kepada Allah s.w.t. rukun Iman yang pertama) iaitu dengan nilai min = 4.46 dengan sisihan piawai = 1.087. Nilai min sederhana dicapai oleh item 20 (Dosa adalah perkara pertama yang akan dihisab oleh Allah s.w.t. di akhirat kelak) dengan nilai min = 2.73 dengan sisihan piawai = 1.502. Seterusnya diikuti dengan item 1 (Akidah Islam bersumberkan al-Qur'an sahaja) dengan nilai min = 2.95 dengan sisihan piawai = 1.475. Manakala item yang mendapat nilai min yang rendah ialah pada item 22 (Ketentuan yang berlaku ke atas seseorang sejak azali dinamakan sebagai Qada') dengan nilai min = 2.08 dengan sisihan piawai = 1.040. Dan item yang mendapat nilai min paling rendah ialah item dan item 16 (Sifat pemurah adalah antara sifat –sifat yang wajib bagi Nabi Muhammad s.a.w) dengan nilai min 2.07 dengan sisihan piawai = 1.234. Secara keseluruhannya, tahap kefahaman akidah dalam kalangan mualaf berada pada tahap yang sederhana iaitu dengan nilai min = 3.61 dengan sisihan piawai = 0.534.

### **Perbincangan dan Implikasi**

Berdasarkan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman akidah secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.61 dan sisihan piawai = 0.534. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa para mualaf masih kurang memahami pembelajaran akidah yang dipelajari walaupun mualaf ini sudah memeluk agama Islam lebih daripada setahun.

Melihat kepada hasil kajian menunjukkan 11 item berada pada tahap sederhana. Soalan yang diajukan merupakan soalan asas yang berkait dengan rukun Islam dan rukun Iman secara khususnya. Ini menunjukkan pembelajaran yang dipelajari di dalam kelas masih belum berkesan. Hal ini perlu dilihat dari segi faktor masa yang tidak mencukupi. Berdasarkan kajian Mariam et al. (2015) & Azman et al. (2015), hasil daripada temu bual bersama para mualaf menyatakan bahawa para mualaf tidak dapat menghadiri kesemua kelas dan kursus yang dijalankan atas disebabkan kekangan dari segi masa kerana bertindih dengan waktu bekerja.

Melihat kepada salah satu item yang mendapat item sederhana iaitu item 3 (Dengan mempercayai kewujudan Allah s.w.t. sudah melengkapkan akidah seseorang tanpa beribadah) dengan nilai min = 3.56. Pembelajaran akidah perlu menekankan aspek akidah terlebih dahulu dengan menghubungkan ibadah dan penghayatan akhlak. Kefahaman akidah akan melahirkan kefahaman ibadah dimana rohani seseorang mualaf itu sudah lebih kukuh dalam menghayati Islam secara menyeluruh (Siti Fathimatiul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan, 2015).

Selain itu, berdasarkan kajian juga menunjukkan para mualaf masih keliru dengan agama asal mereka. Melihat kepada item 6 iaitu (Beriman kepada Allah ialah mempercayai bahawa ada Tuhan selain Allah) mendapat nilai min sederhana iaitu 3.62. Ini bermaksud pengetahuan dan keyakinan para mualaf masih belum kukuh sepenuhnya di mana mereka masih keliru dengan agama asal mereka. Seperti temu bual dalam kajian Azman et al. (2015)



menyatakan bahawa kursus yang dijalankan perlu menggunakan modul yang menekankan asas tauhid. Ini kerana para muallaf masih belum dapat meyakinkan diri mereka sendiri di mana Allah itu berada di atas kerana Allah merupakan benda ghaib. Tambahan lagi, Adi Syahid (2013) menyatakan kefahaman akidah yang paling utama ditekankan selepas muallaf memeluk agama Islam. Hal ini kerana, daripada kefahaman dalam pembelajaran akidah sahaja yang boleh mengukuhkan para muallaf daripada pengamalan yang bertentangan dengan Islam.

Berdasarkan hasil kajian ini, kefahaman akidah dalam kalangan para muallaf masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Justeru, penambahbaikan modul akidah perlu dilaksanakan supaya para muallaf dapat mempelajarinya dan memahaminya secara betul dan meningkatkan keyakinan mereka terhadap agama Islam dan Allah SWT. Di samping, para muallaf juga perlu mengambil inisiatif sendiri untuk menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan akidah.

## Penutup

Secara keseluruhan, pembelajaran akidah merupakan tunjang kepada pembelajaran yang lain. Pemantapan akidah perlu diteguhkan pada permulaan muallaf memeluk agama Islam. Kefahaman akidah perlu mencapai tahap yang cemerlang untuk melahirkan muallaf yang mampu menyampaikan dakwah kepada golongan yang belum Islam. Oleh itu, semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kursus akidah ini perlu mengambil perhatian dan membuat penambahbaikan supaya kefahaman muallaf terhadap akidah dapat dipertingkatkan dan mampu menyampaikan semula kepada golongan yang belum Islam.

## Rujukan

- Adi Syahid Mohd Ali. (2013). *Keberkesanan Pembelajaran Akidah Berasaskan Strategi Inkuiri Terbimbing Terhadap Saudara Baru*. Tesis Sarjana Universiti Malaysia Kelantan.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Nur Kareelawati Abd. Karim. (2005). *DI., Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). Masa Depan Saudara Baru : Harapan Realiti dan Cabaran*. Bangi. Pusat Islam UKM.
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali. (2017). *Pengajaran Akidah dalam Kalangan Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM*. *Jurnal Perspektif*.
- Amran Kasimin. (1985). *Saudara Baru Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*. Selangor: UKM Bangi.
- Anuar bin Puteh. (1999). *Kefahaman Islam Saudara Baru Cina Kuala Lumpur*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam,UKM.
- Azman Ab Rahman, Irwan, M.S, Mahazan, A.M, Wan Mohd Fazrul Azdi, W.R, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Rose Irnawaty Ibrahim & Norlina Ismail. (2015). *Persepsi Muallaf Terhadap Pengislaman dan Program Pembangunan Muallaf : Kajian di Negeri Sembilan*. *Journal of Fatwa Management and Research (JFMR)*.
- Dusuki Haji Ahmad. (1980). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Jamil Ahmad (1993). *Tinjauan Mengenai Kekangan-Kekangan Dalam Pelaksanaan Sains KBSM Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Negeri Kedah Darul Aman*. Universiti

Kebangsaan Malaysia : PSM.

- Mariam Ab. Majid, Syarul Azman Shaharuddin, Yusuf Marlon Abdullah, Hanis Najwa (2015). Penilaian Kursus Mualaf di Selangor. MAIS. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah & Fariza Md Sham. 2009. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari*.
- Sayed Sabiq. (2011). *Al-aqa'id al-Islamiyyah*. Terj. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn Bhd & Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah. (2015). Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf : Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam : Ke Arab Pemantapan Ummah*.
- Syamsul Bahri Andi Galigo. (2003). *Al- Harakah Al- Batiniyyah Fi Mizan Al-Islam*. KUIM